

## FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERTUKARAN KOD DALAM PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

(The Affecting Factors in Code Exchange in the Malay Language Primary School Teachers')

**ATIKA HASSAN**

Sek. Keb. Cardinal Vaughan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[eqa.darnestra@yahoo.com](mailto:eqa.darnestra@yahoo.com)

**DULI KAMIT**

SMK. Katibas  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[elvianasandra09@gmail.com](mailto:elvianasandra09@gmail.com)

**EVELYN BANGKANG JAWI**

SMK. Kapit No.2  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[velynbangkang@ymail.com](mailto:velynbangkang@ymail.com)

**Dihantar pada:**

20 Disember 2020

**Diterima pada:**

05 April 2021

**Koresponden:**

[eqa.darnestra@yahoo.com](mailto:eqa.darnestra@yahoo.com)

**Abstrak:** Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka pertukaran kod dan faktor-faktor yang mempengaruhi pertukaran kod guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Untuk itu, seramai tiga orang guru bahasa Melayu bukan penutur natif yang berpengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dijadikan responden kajian. Ketiga-tiga peserta kajian ini mengajar di sebuah sekolah rendah pedalaman di daerah Song Sarawak. Kaedah temu bual digunakan sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data. Data temu bual dianalisis secara manual dengan mencari tema-tema berkaitan dengan objektif kajian. Untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan tema yang ditemui, seorang pakar dipilih untuk menentusahkan tema-tema tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa berlakunya banyak pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam PdP mereka. Pertukaran kod tersebut berlaku apabila kesemua peserta kajian ingin membuat penjelasan terhadap isi pelajaran yang tidak difahami oleh murid-murid Iban. Pertukaran bahasa Melayu ke bahasa ibunda (bahasa pertama-B1) murid iaitu, bahasa Iban berlaku apabila murid tidak memahami perkara yang dipelajari dalam bahasa Melayu (bahasa kedua-B2). Selain itu, faktor kurangnya kosa kata atau perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid, sikap guru yang tidak tegas dan tidak mempunyai semangat yang tinggi terhadap pengajaran bahasa Melayu, komunikasi guru dan murid di dalam bilik darjah yang sudah terbiasa menggunakan bahasa Iban (B1) berbanding bahasa Melayu (B2) dan sikap dan minat murid yang kurang memberangsangkan terhadap penggunaan bahasa Melayu antara faktor penyumbang berlakunya pertukaran kod dalam PdP bahasa Melayu. Implikasi kajian ini ialah pertukaran kod yang kerap dilakukan oleh guru bahasa Melayu boleh memberi kesan negatif kepada penguasaan kemahiran bahasa Melayu murid-murid Iban.

**Kata Kunci:** Pertukaran kod, guru bahasa Melayu, murid sekolah rendah, bahasa pertama, bahasa kedua

**Abstrak:** This qualitative study aimed to explore the exchange of code and the factors that influence the exchange code Malay primary school teachers in the teaching and learning process (PdP). To that end, three teachers of Malay non-native speakers who are experienced teaching English made respondents. All three participants of this study taught in a rural primary school in Song district of Sarawak. The interview method was used as the main instrument in data collection. Interview data were analyzed manually by searching for themes related to the objectives of the study. To determine the validity and reliability of the themes found, an expert was selected to verify the themes. The findings indicate that the occurrence of a lot of code exchange among teachers of the Malay language in their PdP. The code exchange occurred when all study participants wanted to make an explanation of the content of the lesson that was not understood by Iban students. Malay language exchange to the mother tongue (first language-B1) students, namely, Iban students do not understand what is learned in languages other than Malay language (second language-B2). In addition, the lack of vocabulary or vocabulary of Malay language among students, teachers' attitudes are not decisive and does not have a high motivation towards teaching Malay language, communication and teachers in the classroom who are used to using Iban language (B1) versus the Malay language (B2) and the attitude and interests of students unfavorable to the use of the Malay language among the contributing factors of change in PdP code language. The implication of this study is that the exchange of code that is often done by Malay language teachers can have a negative impact on the Malay language proficiency of Iban students.

**Keywords:** Code exchange, Malay language teacher, primary school students, first language, second language

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang berkemahiran menggunakan lebih daripada satu bahasa. Oleh sebab negara ini didiami oleh pelbagai bangsa yang mempunyai bahasa ibunda mereka sendiri, maka komunikasi yang berlaku semasa berinteraksi dengan individu berlainan bangsa dilakukan dengan menggunakan bahasa kebangsaan. Untuk kehidupan seharian pula, mereka masih lagi menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri. Penggunaan dua bahasa yang berlainan secara serentak oleh seseorang individu juga boleh wujud mengikut situasi komunikasi berlangsung. Keadaan ini juga tidak ketinggalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Penggunaan dua bahasa oleh seseorang khususnya guru, boleh menyebabkan pertukaran kod berlaku.

Pertukaran kod melibatkan pertukaran satu bahasa kepada satu bahasa yang lain dalam satu klausa atau ayat. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu, guru bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan ilmu bahasa yang lebih berkesan kepada murid-muridnya. Guru-guru bahasa Melayu seharusnya memiliki keterampilan dalam berbahasa. Hal ini demikian kerana, guru yang memiliki keterampilan berbahasa akan mampu memberikan didikan yang betul dalam pengajaran bahasanya di dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, situasi pertukaran kod yang dilakukan oleh guru akan mempengaruhi murid dan juga kualiti pengajarannya.

Seperti yang telah ditekankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), salah satu keterampilan yang perlu dimiliki oleh seorang guru bahasa Melayu ialah dari aspek penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dalam proses PdP bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Kepatuhan guru terhadap penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya ini pastinya akan memberi kesan yang positif terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu lebih-lebih lagi bagi kelompok murid yang mempunyai masalah kekurangan perbendaharaan atau kosa kata bahasa Melayu untuk tempoh jangka masa panjang. Justeru, kesungguhan guru bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam PdP dilihat sebagai salah satu usaha untuk

membantu hasrat pihak kerajaan memartabatkan bahasa Melayu.

## PERNYATAAN MASALAH

Malaysia terkenal dengan masyarakat majmuknya yang berbilang kaum. Penguasaan dua bahasa dalam majoriti rakyatnya sudah menjadi kebiasaan pada era kini. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan perlu dikuasai oleh rakyatnya paling kurang pada tahap lisan meskipun masyarakat itu sendiri mempunyai bahasa ibunda atau dialek yang tersendiri. Penguasaan terhadap kedua-dua bahasa ini iaitu, bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda menjadikan majoriti penduduk Malaysia mampu berkomunikasi menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa berbanding masyarakat di negara lain.

Kemampuan masyarakat Malaysia untuk berbahasa lebih daripada satu bahasa menjadi satu kebanggaan kepada kita. Walau bagaimanapun, situasi ini sedikit sebanyak meninggalkan pengaruh yang tidak begitu baik terhadap sistem pendidikan di negara kita. Penggunaan dua bahasa atau lebih di dalam bilik darjah semasa PdP bahasa Melayu bukanlah satu situasi yang asing lagi dalam kalangan guru. Situasi sebegini wujud disebabkan latar belakang guru dan murid yang berbeza bangsa lebih-lebih lagi bagi golongan bukan penutur jati yang sudah terbiasa menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam komunikasi seharian. Selain itu, guru juga berkemungkinan mempunyai kemahiran dalam bahasa lain selain daripada bahasa ibunda dan bahasa Melayu yang juga difahami oleh muridnya. Oleh itu, selain percampuran kod, penggunaan bahasa di dalam bilik darjah oleh guru semasa berinteraksi dengan murid boleh mewujudkan situasi pertukaran kod.

Kepelbagaian etnik dalam sesebuah masyarakat boleh menyebabkan masalah-masalah dalam komunikasi wujud, khususnya penukaran kod. Ghazali dan Shamsudin (2014) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti bentuk bahasa yang digunakan oleh sampel kajian semasa berinteraksi. Dapatan kajian mendapati bahawa pelbagai bentuk bahasa telah digunakan termasuklah pengulangan, penyualan kembali, hentian, penggunaan peribahasa, penukaran kod dan lain-lain. Penukaran kod berlaku untuk meningkatkan tahap kerelevanan maklumat dan

konteks adalah seiring. Dengan itu, penukaran kod yang berlaku haruslah bersesuaian dengan konteks atau istilah yang dipilih sesuai dengan wacana interaksi yang sedang berlangsung. Begitu juga dengan kajian Berawati, Adi Yasran, Hasnah dan Sharil Nizam (2020) yang mengkaji pemilihan bahasa dalam kalangan responden mereka. Kajian ini telah mendapati bahawa para responden memilih bahasa yang lebih dominan daripada bahasa Bajau Sama akibat daripada faktor dwibahasa. Responden menggunakan campur kod dan alih kod dalam domain kekeluargaan dan kejiwaan yang boleh menunjukkan keakraban dan tidak menggunakan bahasa ibunda mereka sepanjang masa perbualan. Penggunaan campur kod dan alih kod di sini turut berlaku mengikut konteks dan situasi yang sesuai.

Mohd Helmi dan Puteri Roslina (2016) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti jenis-jenis strategi komunikasi murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian mendapati terdapatnya strategi penukaran kod yang digunakan oleh murid tersebut. Penggunaan penukaran kod adalah kerana penuturnya yang turut menggunakan bahasa ibunda untuk memastikan komunikasi yang berlaku berjalan dengan lancar. Hal ini bermakna, murid telah memasukkan juga bahasa Mandarin semasa berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Keadaan ini wujud kerana pelajar tersebut kurang pengetahuan dalam kosa kata bahasa Melayu. Motif penggunaan tukar kod ini adalah untuk memastikan mesej yang ingin disampaikan mudah difahami.

Kajian Zuraini (2016) yang melihat kepada kepelbagaian modaliti dalam PdP dwibahasa juga telah membuktikan tidak kurangnya peranan tukar kod dalam memastikan proses mengajar dan belajar berjalan dengan lancar. Pertukaran bahasa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dilakukan oleh peserta kajian untuk memberikan huraian terperinci mengenai topik atau situasi yang dibincangkan. Keadaan ini bermakna penjelasan kepada murid lebih mudah dilakukan dengan menggunakan bahasa pertama (B1). Terdapat juga situasi penggunaan percampuran kod oleh peserta kajian namun ia tidak dominan seperti pertukaran kod. Percampuran kod yang berlaku adalah disebabkan oleh kebiasaan guru dalam mencampuradukkan bahasa dan lebih kepada gaya bahasa pasar, manakala pertukaran kod yang

berlaku pula digunakan oleh guru khususnya sebagai strategi untuk menyokong pemahaman murid.

Pengaruh dialek sememangnya menjadi salah satu faktor wujudnya penggunaan dwibahasa di dalam kelas sama ada oleh guru mahupun murid. Penggunaan dialek yang pekat akan menyebabkan kesukaran dalam komunikasi bahasa Melayu yang betul. Penggunaan dialek akan menyebabkan murid sekolah terdedah kepada masalah dalam membezakan antara bahasa Melayu dengan dialek tempatan. Kajian Nuradlin dan Zaleha (2020) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Melayu dan dialek Kelantan secara serentak di dalam kelas adalah diperlukan dan boleh menghasilkan komunikasi yang berkesan antara guru dengan murid. Guru akan memilih untuk menggunakan dialek untuk memberikan penerangan kepada murid yang sukar untuk memahami pembelajaran. Penyeimbangan kedua-dua bahasa menjadi pilihan semasa proses pembelajaran kerana murid terdiri daripada latar belakang sosial yang berbeza. Murid juga bersetuju bahawa penggunaan kedua-dua bahasa tersebut di dalam kelas dapat memberi keselesaan dan kefahaman kepada mereka.

Perbincangan mengenai pertukaran kod jelasnya lebih banyak dilakukan dalam konteks kehidupan masyarakat harian dan murid. Namun begitu, kajian yang berkaitan dengan pertukaran kod dalam kalangan guru sangat terhad dan kurang dijalankan oleh penyelidik bahasa. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan meneroka pertukaran kod dan faktor-faktor yang mempengaruhi guru bahasa Melayu sekolah rendah menggunakan pertukaran kod ketika mengajar bahasa Melayu.

## **PERTUKARAN KOD BAHASA**

Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat yang berbilang etnik, kaum, budaya dan agama atau digelar sebagai negara multilingual. Disebabkan keunikan tersebut, Malaysia mempunyai pelbagai jenis bahasa yang dituturkan oleh golongan masyarakatnya mengikut etnik masing-masing. Apabila berkomunikasi, masyarakat tidak dapat mengelak daripada melakukan pertukaran kod. Oleh itu, situasi pertukaran kod dalam kalangan masyarakat multilingual telahpun menjadi satu kebiasaan

dalam negara ini kerana ia berlaku secara semula jadi.

Pertukaran kod ini merupakan penggunaan lebih daripada satu bahasa ketika berkomunikasi. Bezanya, pertukaran kod ini melibatkan pertukaran satu bahasa kepada satu bahasa yang lain dalam satu klausa atau ayat. Manakala, percampuran kod pula berlaku apabila satu istilah dari bahasa lain dimasukkan dalam ayat atau klausa yang menggunakan bahasa yang lain. Dalam kajian ini, pertukaran kod berlaku dalam kalangan guru semasa mengajar dan besar kemungkinan adalah disebabkan faktor guru itu sendiri yang berusaha untuk menyampaikan isi pelajarannya kepada murid. Tujuannya adalah untuk memberikan pemahaman kepada murid mengenai topik atau isu yang dibincangkan.

Noor Hashimah dan Adriana (2016) dalam kajian mereka mendapati bahawa fenomena pertukaran kod bahasa semakin membimbangkan dalam kalangan murid Cina di sekolah. Kajian yang dilakukan terhadap murid Cina di sebuah pusat tuisyen menunjukkan bahawa murid-murid tersebut sering melakukan percampuran kod yang melibatkan kata nama, kata kerja, penanda wacana, dan kata adjektif dalam aktiviti penulisan karangan bahasa Melayu. Mereka juga menyatakan bahawa percampuran dan pertukaran kod ini kerap berlaku dalam komunikasi seharian terutamanya dalam kalangan murid yang menguasai lebih daripada satu bahasa. Menurut penyelidik lagi, kelemahan murid harus diberikan perhatian yang serius oleh guru natif Bahasa Melayu untuk membantu murid agar pemahaman dan penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu dapat ditingkatkan. Hal ini bagi memastikan pelajar dapat menguasai lenggok bahasa Melayu yang baik dan indah serta memberikan penerangan fungsi dan struktur bahasa dengan jelas terutama yang berkaitan dengan tatabahasa.

Paramasivam (2017) dalam kajiannya berpendapat bahawa penggunaan alih kod atau pertukaran kod bahasa merupakan sebahagian daripada ciri masyarakat multilingual yang wujud di Malaysia terutamanya dalam kalangan murid di sekolah. Beliau juga berpendapat bahawa bahasa Melayu dan bahasa Inggeris merupakan dua bahasa yang perlu dikuasai oleh setiap murid, manakala bahasa Tamil dan bahasa Mandarin pula menjadi bahasa ibunda bagi murid India dan Cina. Fenomena sebegini telah membolehkan murid-

murid sekolah di Malaysia menguasai sekurang-kurangnya dua atau tiga bahasa baik secara lisan atau penulisan. Dalam kajian ini, sekumpulan murid sekolah menengah telah dianalisis perbualan mereka yang digunakan sebagai bahan bukti kajian berdasarkan tiga situasi yang berbeza, iaitu perbualan dalam kelas, perbualan di kantin dan perbualan di pusat membeli belah.

Dari aspek linguitik, klausa Inggeris tidak begitu banyak mempengaruhi ayat-ayat perbualan responden kajian. Justeru, dalam ayat-ayat ini bahasa Melayu menjadi bahasa Matrik sementara bahasa Inggeris hanya disisipkan dalam ayat perbualan ini dan dikenali sebagai bahasa sisipan. Kajian ini turut mengetengahkan penggunaan alih rangkaian atau *tag-switching* dalam perbualan. Alih rangkaian merujuk kepada pengalihan atau pertukaran kod yang melibatkan penyelitan kata untuk menyambung sesuatu bahasa dalam perbualan. Antara perkataan-perkataan yang sering diselitkan dalam perbualan tersebut adalah seperti *you know, as, still, if, I mean, so, well, and then, but, anyway, since* dan sebagainya. Secara keseluruhan, kajian mendapati bahawa senario alih atau pertukaran kod bahasa dalam masyarakat multilingual di Malaysia dilihat sebagai suatu kaedah ujaran yang mudah demi menyampaikan maklumat kepada para pendengar.

Mohd Syuhaidi dan Nor Audra Dayana (2017) dalam kajian mereka mendapati bahawa terdapat sebanyak 161 penggunaan percampuran kod bahasa luaran dan sebanyak 35 penggunaan percampuran kod bahasa dalaman wujud dalam filem *J Revolusi* yang dikaji. Kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan percampuran kod bahasa ini turut dipengaruhi oleh faktor sosial penutur. Antara faktor sosial yang dimaksudkan termasuklah dari aspek pendidikan, latar belakang dan kehidupan seharian mereka. Dalam kajian ini, penyelidik menyatakan bahawa percampuran kod ini berlaku disebabkan oleh para penutur lebih terdedah kepada penggunaan bahasa luar seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil ketika berada di sekolah dan semasa di peringkat universiti. Dari aspek latar belakang pula, percampuran kod ini biasanya berlaku dalam kalangan individu yang dibesarkan di kawasan bandar dan ia juga bergantung kepada bahasa yang paling kerap digunakan dalam keluarga mereka. Dalam erti kata lain, seseorang individu boleh terpengaruh dengan penggunaan bahasa di

sekeliling mereka dan keperluan memilih bahasa yang ingin digunakan ketika bertutur bergantung kepada konteks dan situasi penutur dalam sesebuah perbualan.

Husna Faredza, Khairul Azam, Anida dan Zulkifli (2020) dalam kajian mereka mendapati bahawa percampuran kod antara Bahasa Melayu Tinggi dan Berbudaya (BMTB) yang paling banyak didapati berlaku dalam PdP guru pelatih adalah penggunaan kata bahasa Inggeris *okay* yang sewajarnya digantikan dengan penggunaan kata *baik*. Bukan itu sahaja, dalam kajian ini juga, penyelidik turut memperlihatkan bahawa berlakunya percampuran kod antara BMTB dengan bahasa basahan dalam kalangan guru pelatih. Fenomena sebegini menunjukkan masih terdapat ketidakpatuhan terhadap peraturan penggunaan BMTB seperti penggunaan kata singkatan seperti *tau, tak, tak pa, bagitau, dah, nak, ni, je, tu, lepas tu* dan *tak de la* berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh penyelidik kajian. Berdasarkan data yang diperoleh, walaupun guru pelatih yang menjadi sampel kajian ini jarang menggunakan percampuran kod dalam interaksi mereka terutamanya dalam proses PdP. Namun demikian, fenomena percampuran kod antara BMTB dengan bahasa Inggeris serta percampuran kod antara BMTB dengan bahasa basahan akan menurunkan darjat bahasa Melayu yang sudah mencapai taraf yang tinggi.

Jelasnya, campur aduk dua bahasa atau lebih mencerminkan pemikiran yang celaru dan bahasanya juga tidak bersistem atau tidak rapi. Selain itu, fenomena percampuran atau pertukaran kod ini berlaku bukan sahaja disebabkan oleh pengaruh dialek atau bahasa sukuan, malah didapati bahawa kekacauan atau gangguan bahasa juga berlaku ditambah dengan pengaruh slanga dan bahasa basahan. Slanga cepat tumbuh dan cepat pupus selari dengan peredaran masa. Sungguhpun begitu slanga tetap wujud, berleluasa dan memberi cabaran dalam usaha memartabatkan BMTB. Bahasa basahan pula yang selalu diucapkan dalam perbualan harian juga mempengaruhi penggunaan BMTB dalam konteks rasmi.

## PENGARUH BAHASA PERTAMA TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KEDUA

Ilangko, Noorulafiza dan Siti Nor Hamahida (2014) dalam kajian mereka mendapati bahawa penggunaan bahasa ibunda oleh guru bahasa Melayu dalam aktiviti PdP bahasa Melayu telah meningkatkan pemahaman terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. Peningkatan pemahaman ini dapat dilihat melalui latihan yang diberikan kepada murid Kumpulan A yang diajar menggunakan bahasa kedua dan dikukuhkan dengan bahasa pertama atau bahasa ibunda yang mendapat jumlah markah yang tinggi jika dibandingkan dengan murid Kumpulan B yang diajar dengan hanya menggunakan bahasa kedua. Mereka juga menyatakan bahawa persamaan bunyi dan maksud perkataan bahasa Melayu dan bahasa Iban memudahkan murid-murid untuk memahami perkataan semasa aktiviti PdP bahasa Melayu. Unsur persamaan antara kedua-dua bahasa ini akan mendorong murid Iban agar lebih peka dan berhati-hati apabila menulis atau menyebut perkataan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana murid-murid lebih mudah untuk mengenali perkataan dalam bahasa ibunda mereka (bahasa Iban) berdasarkan ejaan dan bunyi. Jelaslah bahawa berlakunya percampuran dan pertukaran kod bahasa antara bahasa Melayu dengan bahasa Iban dalam kalangan guru dalam PdP .

Seiring dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Salinah dan Rohaidah (2016), terdapat ramai murid bukan penutur jati masih gagal berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Hal ini sedikit sebanyak boleh mengganggu pembelajaran dan tahap penguasaan murid dalam subjek tersebut. Bukan itu sahaja, penyelidik dalam kajiannya mendapati bahawa tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan guru juga masih rendah akibat wujudnya pengaruh dialek dalam sesi PdP mereka. Guru-guru juga cenderung menggunakan dialek atau bahasa ibunda murid sewaktu melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini berpunca daripada persekitaran sekolah dan juga sosial murid-murid (Zulkifley & Mohd. Asyraf 2014). Pendapat itu disokong oleh Nuradlin dan Zaleha (2020) yang menyatakan bahawa masalah pengaruh persekitaran dan sosial

menyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu yang lemah. Murid-murid bukan penutur jati kebiasaannya lebih selesa menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam sesi PdP di dalam bilik darjah..

Seterusnya, berdasarkan kajian Mohammad Shahrul dan Muhammad Zaid (2018) terhadap 30 orang responden di Kota Samarahan, Sarawak, berkaitan dengan sikap individu terhadap pemilihan dialek dalam komunikasi dan faktor pemilihan dialek mendapati bahawa hubungan individu dengan pemilihan dialek adalah disebabkan oleh sikap dan perasaan individu tersebut dalam usaha untuk mengadaptasi komunikasi seharian mereka mengikut situasi tertentu. Dalam kajian yang dijalankan oleh Nurhijrah dan Mohd. Mahzan (2020) berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu dalam PdP serta cabarannya di sekolah pelbagai etnik mendapati bahawa guru-guru cenderung menggunakan bahasa ibunda (B1) murid-murid untuk memberi kefahaman yang mendalam tentang isi pelajaran. Salah satu faktor yang menyebabkan keadaan itu berlaku berdasarkan hasil dapatan kajian ialah, tahap penguasaan bahasa Melayu murid yang lemah dan kurang memuaskan serta kekurangan perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kebanyakan guru di sekolah-sekolah melakukan tau pertukaran kod dalam proses PdP bahasa Melayu. Pertukaran kod yang melibatkan dua bahasa, iaitu bahasa ibunda atau bahasa pertama dengan bahasa kedua. Hal ini disebabkan oleh keperluan seseorang guru untuk memastikan murid-muridnya dapat memahami apa yang diajar dan tidak ketinggalan walaupun terpaksa mencampuradukkan dan menukar kod bahasa ketika mengajar di dalam kelas.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Meneroka pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam PdP.

2. Meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi pertukaran kod guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam PdP.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Satu penerokaan mendalam dilakukan terhadap individu yang menjadi peserta bagi kajian ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan dengan data yang ingin dikutip. Yin (2014) menjelaskan bahawa, reka bentuk kajian kes merupakan satu reka bentuk yang paling sesuai untuk meneroka permasalahan dan seterusnya menjawab kepada persoalan kajian yang berbentuk 'bagaimana' dan 'mengapa'. Oleh itu, kajian kes ini sesuai digunakan untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang pertukaran kod bahasa dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP. Di samping itu, reka bentuk kajian kes ini juga digunakan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pertukaran kod bahasa dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang menjadi peserta kajian ini.

### Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah terpilih yang merupakan sekolah kebangsaan (SK) yang terletak di daerah Song, Sarawak. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah di daerah Song yang diiktiraf sebagai Sekolah Transformasi bagi kohort ketiga. Sekolah rendah yang memiliki lebih 600 orang murid ini dikategorikan sebagai sekolah luar bandar.

### Pemilihan Peserta Kajian

Peserta kajian yang dipilih dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan bersesuaian dengan skop kajian yang hendak dijalankan. Peserta kajian dipilih dalam kelompok yang kecil untuk memudahkan penyelidikan mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan dengan kajian yang hendak dilaksanakan. Dalam kajian ini, peserta kajian yang dipilih adalah daripada kalangan guru bukan

penutur jati bahasa Melayu yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah bagi memenuhi kriteria kajian yang telah ditentukan dan ditetapkan. Jadual 1 yang memaparkan latar belakang peserta kajian yang telah dipilih dalam kajian ini mengikut jantina, umur, tahap pendidikan, opsyen utama dan tempoh pengalaman mengajar.

JADUAL 1: Latar belakang peserta kajian

Kod Peserta Kajian	GBM1	GBM 2	GBM3
Jantina	Perempuan	Perempuan	Lelaki
Umur	35 tahun	38 tahun	52 tahun
Kaum	Bidayuh	Iban	Iban
Tahap Pendidikan	Sarjana Muda	Sarjana Muda	Sarjana Muda
Opsyen Utama	Pendidikan Seni Visual	Matematik	Pengajian Melayu
Tempoh Pengalaman Mengajar	10 Tahun	16 Tahun	28 Tahun

### Kaedah Pengumpulan Data dan Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan inventori protokol temu bual sebagai instrumen utama kajian dan sebagai kaedah pengumpulan data. Inventori protokol temu bual tersebut telah dibangunkan sendiri dengan merujuk kepada beberapa hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas dan juga berdasarkan objektif dan soalan kajian yang telah dibina dalam kajian ini. Inventori protokol temu bual itu mengandungi tiga bahagian, lima kategori dan 12 soalan temu bual. Bahagian A mengandungi 1 soalan pembuka. Bahagian B pula mengandungi 5 soalan utama untuk menjawab soalan dan juga objektif kajian. Bahagian C pula mengandungi 1 soalan penutup.

Soalan pembuka digunakan sebagai pengenalan sebelum proses menyoal peserta kajian/guru bahasa Melayu dijalankan. Soalan pembuka ini diajukan kepada peserta kajian adalah untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang sampel kajian seperti umur, jantina, bangsa, tahap pendidikan, pengkhususan atau opsyen utama dan tempoh pengalaman mengajar peserta kajian. Seterusnya, penyelidik mengemukakan soalan transisi berbentuk umum

tentang ciri-ciri guru bahasa Melayu yang berkesan. Soalan ini diajukan kepada peserta kajian dengan tujuan untuk mendapatkan gambaran umum tentang pengetahuan peserta kajian yang berkaitan dengan keperluan serta kelebihan yang perlu dimiliki oleh seorang guru bahasa Melayu yang berkesan dalam PdP.

Bagi menjawab soalan dan objektif kajian yang telah dikemukakan, penyelidik telah membina beberapa soalan berpandukan kepada objektif kajian tersebut. Bagi menjawab soalan dan objektif kajian yang pertama iaitu, meneroka pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu/peserta kajian bukan penutur jati dalam PdP bahasa Melayu. Sebanyak tiga soalan temu bual separa struktur yang menjurus ke arah sejauh mana penggunaan bahasa Melayu dan pertukaran kod oleh guru/peserta kajian dalam PdP bahasa Melayu.

Bagi menjawab soalan dan objektif kajian yang kedua, iaitu untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu/peserta kajian bukan penutur jati dalam PdP bahasa Melayu, sebanyak dua soalan temu bual separa struktur untuk melihat punca-punca yang menyebabkan guru/peserta kajian bukan penutur jati terpaksa menerapkan pertukaran kod dalam PdP bahasa Melayu. Seterusnya, soalan penutup pula dibina untuk melihat keinginan serta kepekaan guru bahasa Melayu/peserta kajian untuk memperbaiki mutu pengajaran mereka pada masa mendatang agar dapat membantu murid-murid bukan penutur jati di dalam kelas masing-masing untuk menguasai pembelajaran bahasa Melayu dengan sebaiknya. Jadual 2 menunjukkan pecahan bagi soalan protokol temu bual mengikut bilangan item.

JADUAL 2: Jadual item protokol temu bual

Bil.	Pembahagian Soalan Protokol Temu Bual	Bilangan Item
1	Soalan pembuka	1
2	Soalan transisi	1
3	Soalan bagi objektif kajian 1	3
4	Soalan bagi objektif kajian 2	2
5	Soalan penutup	1
<b>Jumlah Keseluruhan Item</b>		<b>8</b>

### Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Penyelidik telah melantik seorang pakar penilai untuk menilai dan seterusnya mengesahkan instrumen temu bual yang telah dibangunkan oleh penyelidik bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap mini kajian ini. Pakar penilai ini merupakan seorang pensyarah di sebuah universiti awam tempatan yang sememangnya memiliki kepakaran dalam bidang bahasa Melayu. Beberapa pembetulan telah dibuat terhadap instrumen temu bual tersebut selepas melalui proses penilaian dan persetujuan daripada pakar penilai sebelum instrumen tersebut digunakan dalam kajian ini.

Selain itu, penyelidik juga telah menggunakan kaedah semakan peserta kajian. Kaedah semakan peserta kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk membolehkan peserta kajian menyemak semula data yang telah dikutip dan ditranskripsikan oleh penyelidik, malah bagi memastikan pengesahan dapatan tersebut adalah benar dan tepat. Dalam makna kata lain, proses ini dilakukan bagi memastikan segala data temu bual yang diperolehi dan diterjemahkan oleh penyelidik adalah lengkap dan sama seperti yang dimaksudkan oleh peserta kajian sewaktu proses temu bual dilakukan.

### Prosedur Penganalisan Data

Dalam kajian ini, beberapa prosedur atau langkah kerja yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kesemua data temu bual yang telah dikumpul dan diperolehi dapat dianalisis secara sistematik. Bukan itu sahaja, penyelidik turut membuat catatan ringkas berkaitan dengan maklumat-maklumat penting semasa proses temu bual dilakukan dan direkodkan menggunakan alat peranti mudah alih. Kesemua data temu bual yang dikumpul kemudian ditranskripsi dalam bentuk verbatim, iaitu kata demi kata dalam bentuk tulisan. Kemudian, data yang telah ditranskripsi itu disemak berulang kali untuk memastikan bahawa tiada data daripada temu bual yang tertinggal. Penyelidik telah memasukkan data verbatim tersebut ke dalam perisian *Microsoft Word* sebelum membuat penyemakan.

Selepas itu, penyelidik mengurus data dengan menyusun data verbatim tersebut mengikut kategori agar mudah untuk dianalisis. Penyelidik

juga melakukan perbincangan bersama rakan lain sekiranya terdapat sebarang kekeliruan berkaitan dengan data temu bual yang telah dikutip. Beberapa proses analisis data temu bual dilakukan, iaitu:

1. Menyediakan dan menyusun data: Pada peringkat penyediaan dan penyusunan data ini, penyelidik telah mendengar semula rakaman temu bual dan membuat transkripsi untuk menyediakan data mentah sebelum dianalisis dengan lebih mendalam. Sebanyak tiga set data temu bual telah ditranskripsi dalam bentuk verbatim sebelum dimasukkan ke dalam perisian *Microsoft Word* untuk disemak semula. Data temu bual merupakan data utama yang digunakan bagi pelaporan kajian ini.
2. Meneroka dan merekod data: Pada proses ini, meneroka data temu bual yang telah ditranskripsi dalam bentuk verbatim buat pertama kali untuk mendapatkan gambaran awal tentang hasil dapatan kajian. Kemudian, pembacaan kali kedua dijalankan untuk membuat penelitian dengan lebih mendalam dan seterusnya membuat pecahan bagi setiap data mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian dan tema yang dibina berdasarkan data. Seterusnya, penyelidik membuat pemeriksaan terhadap data yang telah dikategorikan agar tidak berlaku kesilapan dalam merekod data.
3. Melaporkan dapatan kajian: Selepas membuat analisis terhadap ketiga-tiga set data temu bual yang telah direkodkan dalam bentuk verbatim dan dipecahkan kepada kategori-kategori mengikut objektif kajian, pelaporan hasil dapatan kajian menggunakan kategori-kategori tersebut dibuat. Pelaporan hasil kajian dihuraikan menggunakan bentuk kajian kualitatif dengan memberi penerangan serta huraian secara terperinci kepada hasil dapatan data yang diperolehi daripada data temu bual kajian.
4. Interpretasi dapatan kajian: Interpretasi dapatan kajian dilakukan terhadap pelaporan hasil dapatan kajian. Proses interpretasi dapatan kajian ini dilaksanakan adalah untuk memberi penjelasan dengan lebih terbuka dan umum terhadap hasil dapatan kajian yang telah dilaporkan agar kajian tersebut menjadi lebih bermakna. Penyelidik memberikan



pandangan peribadi, membuat perbandingan data dan seterusnya membuat perkaitan antara dapatan kajian dengan kajian kepustakaan yang telah dilakukan. Cadangan kajian lanjutan juga dinyatakan dalam proses ini agar dapat menjadi rujukan kepada penyelidik lain pada masa akan datang.

5. Mengesahkan ketepatan dapatan kajian: Proses mengesahkan ketepatan dapatan kajian merupakan proses terakhir yang dilaksanakan. Semakan daripada peserta kajian terhadap hasil dapatan data dilakukan untuk memastikan dapatan kajian yang dilaporkan adalah tepat dan benar. Selain itu, penyelidik turut meminta rakan lain untuk membuat penelitian terhadap hasil laporan dan seterusnya membuat pengesahan. Proses pengesahan ketepatan dapatan kajian ini juga memberi manfaat kepada penyelidik untuk membuat sebarang penambahbaikan melalui komen-komen serta cadangan yang telah diberikan oleh peserta kajian serta rakan-rakan lain.

### DAPATAN KAJIAN

Data kajian diperoleh melalui temu bual yang telah dijalankan terhadap tiga orang peserta kajian guru bahasa Melayu yang mengajar di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Song, Sarawak.

### Demografi Peserta Kajian

Berdasarkan Jadual 1, terdapat seramai tiga orang peserta kajian terlibat dalam kajian ini. Peserta kajian tersebut terdiri daripada dua orang guru perempuan dan seorang guru lelaki. Setiap peserta kajian diberikan label kod masing-masing iaitu, GBM1, GBM2, dan GBM3. GBM 1 merupakan seorang guru perempuan yang berumur 35 tahun dan berbangsa Bidayuh. Selain itu, peserta kajian ini mempunyai tahap pendidikan tertinggi di peringkat sarjana muda dan merupakan seorang guru pengkhususan Pendidikan Seni Visual. Walaupun beliau bukan guru pengkhususan Bahasa Melayu namun, beliau telah mengajar subjek Bahasa Melayu selama 10 tahun.

Manakala, GBM2 pula merupakan seorang guru perempuan yang berumur 38 tahun dan berbangsa Iban. Peserta kajian ini merupakan

orang tempatan di daerah Song, Sarawak. Di samping itu, beliau mempunyai tahap pendidikan tertinggi di peringkat sarjana muda dalam pengkhususan Matematik. Namun begitu, beliau telah mengajar subjek Bahasa Melayu di sekolah selama 16 tahun. Peserta kajian seterusnya ialah seorang guru lelaki berumur 52 tahun dan berbangsa Iban. GBM3 ini juga merupakan orang tempatan di daerah Song. Beliau mempunyai tahap pendidikan tertinggi di peringkat sarjana muda. Beliau merupakan seorang guru pengkhususan Pengajian Melayu dan telah mengajar subjek Bahasa Melayu selama 28 tahun sepanjang perkhidmatan beliau.

### Meneroka Pertukaran Kod dalam Kalangan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Analisis bagi objektif kajian 1 iaitu, meneroka pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP bahasa Melayu adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana peserta kajian yang mengajar subjek Bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu dan melakukan pertukaran kod bahasa dalam PdP. Jadual 3 menunjukkan tema yang ditemui melalui analisis temu bual yang dijalankan.

JADUAL 3: Pertukaran kod dalam PdP guru bahasa Melayu

Bil.	Tema	Subtema	Peserta Kajian			Jumlah
			GBM 1	GBM 2	GBM 3	
1.	Penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan guru	1. Menggunakan bahasa Melayu baku/standard	/	/	/	3
		2. Menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Iban	/	/	/	3
2.	Pendekatan lain yang digunakan dalam PdP.	1. Menggunakan bahan bantu mengajar dalam bentuk mautud	/	/	x	2
		2. Menggunakan terjemahan secara terus	x	/	/	2
		3. Melakukan aksi/lakonan di kelas.	/	x	x	1
		4. Membuat gambaran dalam bentuk visual	/	/	x	2

Berdasarkan Jadual 3, bagi tema penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan guru dalam PdP, berdasarkan subtema pertama, didapati ketiga-tiga peserta kajian iaitu, GBM1, GBM2 dan GBM3 menggunakan bahasa Melayu baku atau standard dalam PdP mereka. Menurut kesemua GBM, bahasa Melayu ini digunakan secara sepenuhnya dalam PdP. Hal ini dapat ditunjukkan melalui transkripsi temu bual seperti berikut:

Sepanjang saya mengajar tu memang saya guna BM sepenuhnya. *(Temu Bual/Tema 1/Subtema 1/GBM1)*

Saya sentiasa guna bahasa Melayu sepenuhnya dalam PdPc bahasa Melayu. *(Temu Bual/Tema 1/Subtema 1/GBM2)*

Saya biasanya menggunakan BM sepenuhnya dalam PdPc. *(Temu Bual/Tema 1/Subtema 1/GBM3)*

Bagi subtema kedua pula, didapati kesemua peserta kajian iaitu, GBM1, GBM2 dan GBM3 juga telah melakukan pertukaran kod dalam PdP bahasa Melayu. Pertukaran kod tersebut berlaku apabila kesemua peserta kajian menjelaskan bahawa mereka menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Iban sewaktu mengajar murid-murid Iban ini. GBM1 menjelaskan bahawa beliau terpaksa menggunakan bahasa Iban (bahasa pertama-B1) sebagai langkah untuk memberikan penjelasan apabila mendapati bahawa ada dalam kalangan muridnya tidak memahami perkara yang beliau terangkan di dalam bilik darjah dalam bahasa Melayu (bahasa kedua-B2). Selain itu, beliau juga mendapati bahawa murid-murid beliau tidak memahami perkataan-perkataan tertentu dalam bahasa Melayu (B2) dan beliau perlu memberikan maksud perkataan menggunakan bahasa Iban (B1). Hal ini ditunjukkan dalam transkripsi temu bual seperti berikut:

Saya guna bahasa Iban sebab nak bagi mereka faham apa yang saya terangkan. Kadang-kadang ada perkataan BM mereka tak faham, saya jelaskan dalam bahasa Iban. *(Temu Bual/Tema 1/Subtema 2/GBM1)*

Seterusnya, GBM2 menjelaskan bahawa beliau menggunakan bahasa Iban (B1) dalam PdP bahasa Melayu disebabkan murid-murid beliau

tidak memahami perkara yang dipelajari bila diajar dalam bahasa Melayu (B2). Walaupun beliau berusaha untuk menggunakan bahasa Melayu secara sepenuhnya dalam pengajaran beliau, namun ada ketikanya beliau terpaksa menggunakan bahasa Iban untuk membuat penjelasan sekiranya terdapat dalam kalangan murid beliau yang tidak memahami perkara yang dipelajari. Hal ini ditunjukkan dalam transkripsi temu bual seperti di bawah:

Kalau murid tu susah nak faham apa yang saya ajar, saya terpaksa guna dialek mereka, bahasa Iban tu untuk beri penjelasan. *(Temu Bual/Tema 1/Subtema 2/GBM2)*

GBM3 pula menjelaskan bahawa, penggunaan bahasa Iban berlaku dalam PdP beliau disebabkan beliau ingin memberi penegasan terhadap pemahaman murid untuk perkara yang beliau ajar di dalam bilik darjah. Hal ini berpunca daripada masalah kekurangan kosa kata dalam kalangan murid. Perkara ini dapat dibuktikan melalui transkripsi temu bual seperti berikut:

Tapi sebab mereka murid Iban, jadi ada kosa kata BM mereka tak tahu, jadi saya akan guna bahasa Iban untuk memberi penegasan kepada kefahaman mereka. *(Temu Bual/Tema 1/Subtema 2/GBM3)*

Berdasarkan Jadual 3 juga, bagi tema yang kedua iaitu pendekatan lain yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, kesemua GBM turut menggunakan pendekatan mengajar lain seperti bahan bantu mengajar dalam bentuk mawjud, melakukan aksi atau lakonan dan membuat gambaran dalam bentuk visual atau melukis di hadapan kelas untuk memudahkan murid-murid faham tentang perkara yang dipelajari. Namun begitu, GBM 2 dan GBM 3 tetap menggunakan terjemahan terus iaitu dari bahasa Melayu ke bahasa Iban untuk memberikan penjelasan. Hal ini menunjukkan bahawa pertukaran kod tetap juga berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu walaupun mereka mempunyai kaedah atau teknik lain untuk membantu murid-murid belajar selain daripada menggunakan terjemahan terus menggunakan bahasa ibunda murid-murid di dalam kelas. Hal ini ditunjukkan melalui transkripsi temu bual seperti berikut:

Selain guna bahasa Iban untuk jelaskan tadi, saya akan guna juga pendekatan macam melukis dekat papan tulis. (*Temu Bual/Tema 2/Subtema 2/GBM2*)

Saya akan menterjemahkan penjelasan tu dari BM ke bahasa Iban. (*Temu Bual/Tema 2/Subtema 2/GBM3*)

Hasil analisis data terhadap transkripsi temu bual menunjukkan bahawa berlakunya pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam PdP mereka. Pertukaran kod tersebut berlaku apabila kesemua peserta kajian ingin membuat penjelasan terhadap isi pelajaran mereka yang tidak difahami oleh murid-murid Iban. Pertukaran bahasa Melayu ke bahasa ibunda (B1) murid iaitu, penggunaan bahasa Iban akan berlaku sekiranya murid tidak memahami perkara yang dipelajari sahaja. Selain daripada itu, kesemua peserta kajian mengajar menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya.

### **Meneroka Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pertukaran Kod dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Analisis bagi objektif kajian 2, iaitu meneroka faktor yang mempengaruhi pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP bahasa Melayu adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana peserta kajian yang mengajar subjek Bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu dan melakukan pertukaran kod bahasa dalam PdP. Jadual 4 menunjukkan lima tema yang ditemui melalui analisis temu bual dengan peserta kajian.

Berdasarkan Jadual 4, analisis tersebut menunjukkan tema bagi faktor pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu/peserta kajian dalam PdP. Merujuk kepada subtema pertama, didapati kesemua peserta kajian iaitu, GBM1, GBM2 dan GBM3 menyatakan bahawa faktor yang menyebabkan berlakunya pertukaran kod dalam kalangan guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu adalah disebabkan oleh murid Iban kekurangan kosa kata dalam bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh transkripsi temu bual seperti berikut:

Kadang-kadang masa bersoal jawab dengan saya pun, mereka ada guna bahasa Iban sebab tak tahu

nak jelaskan soalan tu dalam BM. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 1/GBM1*)

Kebanyakan murid saya tu, kurang kosa kata BM, jadi nak jelaskan dekat mereka kena guna bahasa Iban juga. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 1/GBM2*)

Tapi sebab mereka murid Iban, jadi ada kosa kata BM mereka tak tahu, jadi saya akan guna bahasa Iban untuk memberi penegasan kepada kefahaman mereka. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 1/GBM3*)

**JADUAL 4: Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pertukaran kod**

Bil.	Tema	Subtema	Peserta Kajian			Jumlah
			GBM 1	GBM 2	GBM 3	
1.	Faktor pertukaran kod dalam kalangan guru	1. Murid kekurangan kosa kata dalam bahasa Melayu	/	/	/	3
		2. Guru yang tidak tegas terhadap penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya	/	x	/	2
		3. Guru tidak mempunyai semangat yang tinggi	x	x	/	1
		4. Guru terbiasa berkomunikasi menggunakan bahasa Iban	/	/	x	2
		5. Murid tidak berminat dengan penggunaan bahasa Melayu	x	/	x	1

Seterusnya, bagi subtema yang kedua, faktor yang menyebabkan berlakunya pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu ialah sikap guru yang tidak tegas terhadap penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya di dalam bilik darjah. GBM1 dan GBM3 menjelaskan tentang perkara tersebut seperti yang terdapat dalam transkripsi temu bual seperti di bawah:

Sebab kadang-kadang cikgu tak begitu tegas dengan penggunaan BM dalam kelas. Cikgu tak tegur murid yang guna bahasa lain dalam kelas BM. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 2/GBM1*)

Guru tidak memberi galakan untuk murid guna BM sepenuhnya dalam kelas, jadi ia boleh mempengaruhi penggunaan BM tu sendiri. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 2/GBM3*)

Berdasarkan Jadual 4, GBM3 turut menjelaskan bahawa faktor yang menyebabkan berlakunya pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP bahasa Melayu ialah guru tidak mempunyai semangat yang tinggi sewaktu mengajar mata pelajaran tersebut di dalam kelas. Hal ini juga dibuktikan melalui transkripsi temu bual seperti berikut:

Mungkin juga atas faktor sikap, minat dan motivasi guru tersebut. Macam ni, cikgu. Kalau guru BM sendiri tak ada semangat yang tinggi untuk menggalakkan murid-muridnya menguasai BM, contohnya guru tidak memberi galakan untuk murid guna BM sepenuhnya dalam kelas, jadi ia boleh mempengaruhi penggunaan BM tu sendiri. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 3/GBM3*)

Berdasarkan jadual juga didapati faktor guru terbiasa menggunakan bahasa Iban sewaktu berkomunikasi dengan murid juga menjadi penyebab pertukaran kod boleh berlaku dalam PdP bahasa Melayu. GBM1 dan GBM3 menjelaskan perkara tersebut dalam sesi temu bual seperti yang ditunjukkan dalam transkripsi berikut:

Faktor nya ialah berpunca dari komunikasi cikgu dengan murid-murid juga. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 4/GBM1*)

Dengan saya sendiri pun mereka bercakap guna bahasa Iban. Sebab mereka tahu, saya ni cikgu Iban jadi mereka bercakap dengan saya memang guna bahasa Iban walaupun dalam kelas BM. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 4/GBM2*)

GBM2 turut menjelaskan bahawa pertukaran kod berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu adalah disebabkan sikap murid yang tidak berminat dengan penggunaan bahasa Melayu. Hal ini ditunjukkan melalui transkripsi temu bual seperti berikut:

Lagipun, mereka ni kalau cikgu tak suap mereka tak berdikari nak cari gali sendiri. Maksud saya tu, mereka tak ada minat nak menguasai BM

kalau cikgu tak galakkan. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 5/GBM2*)

Bagi saya, sikap murid yang tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap BM tu yang menyebabkan mereka tak ada keinginan nak guna bahasa Melayu dalam kelas. (*Tema Bual/Tema 1/Subtema 5/GBM2*)

Dari apa yang saya perhatikan, kebanyakan anak-anak yang ibu bapanya berpendidikan ni, mereka lebih menggalakkan anak-anak mereka menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. (*Temu Bual/Tema 1/Subtema 5/GBM2*)

Berdasarkan maklum balas yang telah diberikan oleh peserta kajian iaitu, GBM1, GBM2 dan GBM3, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada berlakunya pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP. Faktor-faktor tersebut ialah kurangnya kosa kata atau perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid, sikap guru yang tidak tegas dan tidak mempunyai semangat yang tinggi terhadap pengajaran bahasa Melayu, komunikasi guru dan murid di dalam bilik darjah yang sudah terbiasa menggunakan bahasa Iban (B1) berbanding bahasa Melayu (B2) dan sikap dan minat murid yang kurang memberangsangkan terhadap penggunaan bahasa Melayu.

## PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP. Kajian ini telah mencapai objektif kajian seperti berikut:

1. Meneroka pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP.
2. Meneroka faktor yang mempengaruhi pertukaran kod dalam kalangan guru Bahasa Melayu dalam PdP.

### **Pertukaran Kod Berlaku dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis dapatan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik berkaitan dengan pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam PdP, dapat disimpulkan bahawa telah berlaku pertukaran kod

bahasa dalam kalangan guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu. Pertukaran kod ini berlaku ketika guru berusaha untuk memberi penerangan serta penjelasan tentang perkara yang diajar kepada murid untuk memberikan kefahaman kepada mereka. Hal ini disebabkan, kekhuatiran guru tersebut terhadap tahap pemahaman murid-murid yang tidak begitu memuaskan tentang isi pelajaran yang disampaikan sekiranya menggunakan bahasa Melayu secara sepenuhnya. Oleh itu, guru-guru perlu menggunakan bahasa ibunda untuk membantu pemahaman murid. Dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian daripada Ilangko et al. (2014) yang mendapati bahawa penggunaan bahasa ibunda (B1) oleh guru bahasa Melayu dalam aktiviti PdP telah meningkatkan pemahaman murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kesemua peserta kajian/guru bahasa Melayu telah memberi penjelasan berkaitan dengan perkara yang sama, iaitu mereka menggunakan bahasa ibunda murid (bahasa Iban-B1) di dalam kelas bahasa Melayu disebabkan murid-murid tidak memahami perkara yang diajar. Secara tidak langsung, pertukaran kod turut berlaku dalam PdP guru terbabit. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Nurhijrah dan Mohd. Mahzan (2020) yang menyatakan bahawa guru-guru cenderung menggunakan bahasa ibunda murid sewaktu melaksanakan PdP untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada murid-murid. Walaupun begitu, guru-guru masih mempunyai pilihan untuk menggunakan pendekatan lain dalam PdP bahasa Melayu umpamanya dengan menggunakan bahan bantu mengajar berbentuk mautod, membuat aksi atau lakonan, membuat gambaran secara visual dengan melukis perkataan yang tidak difahami oleh murid untuk memudahkan pemahaman, tetapi masih terdapat dua orang peserta kajian tetap menggunakan terjemahan secara terus kepada murid.

Bagi peserta kajian/guru bahasa Melayu, dengan melakukan terjemahan secara terus menggunakan bahasa Ibunda murid, ia dapat mengukuhkan pemahaman murid tersebut memandangkan majoriti murid yang diajar terdiri daripada kalangan murid bukan penutur natif bahasa Melayu. Tambahan lagi, guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu tersebut juga bukan terdiri daripada kalangan guru bukan penutur natif bahasa Melayu. Hal ini

berkemungkinan menyebabkan guru-guru juga lebih selesa menggunakan bahasa Iban (B1) ketika melakukan penerangan kepada murid-murid selain daripada menggunakan bahasa Melayu (B2). Namun begitu, kajian Salinah dan Rohaidah (2016) menjelaskan bahawa terdapat ramai murid bukan penutur jati bahasa Melayu gagal berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Melayu. Begitu juga dengan tahap komunikasi guru yang masih rendah kerana wujudnya pengaruh dialek dalam PdP mereka.

### **Faktor-Faktor Pertukaran Kod Berlaku dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

Secara keseluruhan, didapati wujud beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam PdP. Faktor-faktor tersebut dapat dikategorikan kepada tiga faktor utama, iaitu: (i) kekurangan kosa kata atau perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid, (ii) sikap guru terhadap pengajaran bahasa Melayu dan (iii) sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian daripada Zulkiefly dan Mohd. Asyraf (2014) yang menyatakan bahawa persekitaran sekolah dan sosial murid menjadi faktor wujudnya pertukaran kod dalam PdP bahasa Melayu di sekolah. Namun begitu, berdasarkan kajian ini, faktor sikap juga menjadi punca perkara tersebut boleh berlaku. Ditambah pula dengan masalah kekurangan kosa kata dalam kalangan murid menyebabkan guru bahasa Melayu/peserta kajian menggunakan bahasa ibunda (bahasa Iban) dalam PdP bahasa Melayu.

### ***Kekurangan Kosa Kata atau Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu***

Faktor yang paling dominan dalam kajian ini ialah faktor kekurangan kosa kata atau perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati bahasa Melayu yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2. Hal ini disebabkan kesemua peserta kajian menyatakan perkara yang sama bahawa kebanyakan murid mereka kekurangan kosa kata bahasa Melayu sehingga memaksa guru-guru menggunakan bahasa Iban (B1) untuk memberikan penjelasan yang lebih

mendalam terhadap perkara yang diajar bagi memudahkan pemahaman murid-murid tersebut. Hasil dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian daripada Nurhijrah dan Mohd. Mahzan (2020) yang mendapati bahawa kecenderungan berlakunya pertukaran kod dalam PdP bahasa Melayu adalah berpunca daripada tahap penguasaan murid yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu serta wujudnya masalah kekurangan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu.

Kekurangan kosa kata ini juga menyebabkan peserta kajian/guru bahasa Melayu terpaksa berkomunikasi menggunakan bahasa Iban (bahasa ibunda-B1) memandangkan murid-murid juga menggunakan bahasa Iban ketika bertanya soalan kepada guru. Penggunaan bahasa Iban ini disebabkan murid tersebut tidak tahu hendak menjelaskan pertanyaannya menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Perkara tersebut telah dijelaskan oleh peserta kajian iaitu, GBM1. GBM3 pula telah menjelaskan bahawa masalah kekurangan kosa kata murid cukup jelas sewaktu melakukan aktiviti penulisan. Murid-murid beliau kelihatan amat sukar untuk memilih perkataan yang sesuai untuk digunakan sewaktu menulis ayat dalam bahasa Melayu. GBM2 juga menjelaskan bahawa murid beliau mempunyai masalah kekurangan kosa kata bahasa Melayu.

Berdasarkan penjelasan daripada GBM2, galakan ibu bapa terhadap pembelajaran bahasa Melayu kurang memberangsangkan. Hal ini disebabkan, rata-rata ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih menggalakkan murid-murid belajar bahasa Inggeris berbanding belajar bahasa Melayu. Hal ini turut menjadi punca murid-murid beliau kekurangan kosa kata dalam bahasa Melayu. Daripada masalah itulah, guru terpaksa menggunakan bahasa Iban dalam PdP bahasa Melayu untuk memastikan murid-murid memahami kandungan isi pelajaran.

### ***Sikap Guru terhadap Pengajaran Bahasa Melayu***

Faktor kedua yang menyebabkan wujudnya pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam PdP ialah sikap guru terhadap pengajaran bahasa Melayu. Berdasarkan hasil analisis dapatan yang telah dilakukan, didapati sikap guru yang tidak tegas terhadap penggunaan

bahasa Melayu di dalam kelas menyebabkan murid juga terbiasa menggunakan bahasa ibunda sewaktu berkomunikasi dengan guru. Secara tidak langsung, perkara tersebut menyebabkan guru-guru juga tidak dapat menggunakan bahasa Melayu secara sepenuhnya dalam PdP. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian daripada Ilangko et al. (2014) yang menyokong bahawa penggunaan bahasa Iban dalam kalangan guru sewaktu proses PdP bahasa Melayu dapat menambah pemahaman murid terhadap isi pelajaran yang disampaikan oleh guru.

GBM1 telah menjelaskan bahawa guru yang tidak menegur murid-murid sewaktu menggunakan bahasa lain di dalam kelas bahasa Melayu menyebabkan murid-murid berkomunikasi dengan guru menggunakan bahasa Iban. Perkara tersebut menjadi kebiasaan dan seterusnya menjadi punca murid-murid kekurangan kosa kata bahasa Melayu. Guru-guru itu sendiri tidak memperkayakan murid-murid mereka dengan penggunaan bahasa Melayu. Hal ini akhirnya menyebabkan berlakunya pertukaran kod bahasa dalam pengajaran guru bahasa Melayu.

GBM3 pula menjelaskan bahawa, guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu tidak mempunyai semangat yang tinggi dalam pengajaran bahasa Melayu. Hal ini bertepatan dengan pendapat GBM1 di mana sikap guru yang tidak membiasakan murid-murid berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya di dalam kelas menyebabkan guru-guru juga terbiasa berkomunikasi menggunakan bahasa lain selain daripada bahasa Melayu. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian daripada Nurhijrah dan Mohd. Mahzan (2020) yang menjelaskan bahawa guru-guru sememangnya cenderung menggunakan bahasa ibunda murid dalam aktiviti PdP bahasa Melayu untuk memberikan kefahaman kepada murid. Dayang Sufilkawany dan Wan Muna Ruzanna (2017) menyimpulkan bahawa sikap guru bahasa Melayu juga menjadi salah satu sebab faktor kegagalan murid bukan penutur natif bahasa Melayu seperti murid Iban dalam kajian ini dalam menguasai kemahiran bahasa Melayu.

Sebagai seorang guru Bahasa Melayu, semangat yang tinggi perlu dimiliki agar keterampilan berbahasa dengan baik dalam pengajaran bahasa dapat ditonjolkan dan menjadi contoh kepada murid-murid. GBM3 juga bersetuju bahawa penggunaan bahasa Melayu mudah dalam

kalangan murid bukan penutur jati bahasa Melayu sewajarnya diberikan pujian agar murid menjadi lebih bersemangat untuk mempelajari bahasa Melayu. Apabila murid-murid mempunyai motivasi yang tinggi dalam PdP bahasa Melayu, hal ini sekali gus akan dapat melonjakkan semangat serta motivasi guru ke arah pengajaran bahasa yang lebih berkualiti (Zamri 2014).

### ***Sikap Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu***

Faktor terakhir ialah sikap murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan murid Iban tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap PdP bahasa Melayu. GBM2 menjelaskan bahawa murid-murid tidak berusaha untuk menguasai pembelajaran bahasa Melayu melainkan apabila guru-guru memberikan galakan kepada murid-murid tersebut. Hal ini secara tidak langsung menjadi punca ramai antara murid bukan penutur jati tidak menguasai bahasa Melayu terutama dalam aspek penguasaan kosa kata. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian daripada Zulkiefly dan Mohd. Asyraf (2014) yang menjelaskan bahawa faktor persekitaran sekolah dan sosial murid menyebabkan tahap penguasaan murid terhadap bahasa Melayu masih berada di tahap lemah. Hal ini seterusnya mempengaruhi proses pengajaran guru yang terpaksa menggunakan bahasa ibunda murid untuk memberikan penjelasan agar murid-murid tersebut dapat memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru (Nancy & Zamri 2017). Selain itu, sikap negatif murid Iban ini memberi kesan kepada pembelajaran bahasa Melayu mereka (Jerie & Zamri 2011).

Selain itu, murid-murid juga didapati tidak mendapat galakan yang tinggi daripada ibu bapa untuk mempelajari bahasa Melayu. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi kebiasaannya lebih menggalakkan anak-anak mereka mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Ibu bapa yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang baik kebiasaannya hanya menggunakan bahasa Iban dalam proses komunikasi di rumah dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan ibu bapa ini juga tidak begitu baik. Oleh itu, faktor persekitaran dan sosioekonomi keluarga juga memberi pengaruh terhadap penguasaan bahasa

Melayu murid-murid (Zamri & Tengku Nor Adila 2019), terutamanya dari segi penguasaan kosa kata yang sepatutnya boleh membantu mereka memahami sesuatu isi pelajaran. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian daripada Nuradlin dan Zaleha (2020) yang mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati masih lemah kerana wujudnya faktor sosial dan persekitaran murid tersebut yang tidak membantu terhadap penguasaan bahasa Melayu.

### **KESIMPULAN**

Kajian ini telah meneroka tentang pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam PdP bahasa Melayu. Faktor berlakunya pertukaran kod dalam kalangan guru bahasa Melayu juga menjadi fokus utama kajian ini. Dapatan kajian mempunyai kepentingan terhadap dunia pendidikan kerana pelaksanaan kajian ini adalah sebagai salah satu usaha untuk membantu guru-guru terutamanya guru Bahasa Melayu, pihak pentadbir sekolah dan pejabat pendidikan daerah dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dapatan kajian ini secara tidak langsung akan dapat memberi gambaran awal kepada guru-guru dan pihak pentadbir sekolah tentang situasi yang mungkin menjadi penyebab terhadap tahap penguasaan yang lemah dalam kalangan murid bukan penutur jati bahasa Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, hasil dapatan ini sedikit sebanyak dapat memberi manfaat sebagai panduan pihak pentadbir dan guru-guru Bahasa Melayu untuk merangka satu set pembelajaran ataupun program melibatkan bahasa Melayu yang lebih berkesan pada masa akan datang.

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa berlakunya pertukaran kod bahasa dalam kalangan guru bahasa Melayu disebabkan oleh beberapa faktor yang telah memaksa mereka untuk turut menggunakan bahasa Iban dalam proses PdP bahasa Melayu di dalam bilik darjah untuk mengajar murid-murid bukan penutur jati. Hal ini memberikan implikasi bahawa murid-murid bukan penutur jati memerlukan pendekatan PdP yang berbeza dengan murid-murid penutur jati bahasa Melayu. PdP tersebut mestilah mengambil kira faktor-faktor yang telah dikenal pasti agar ia lebih

efektif untuk murid-murid bukan penutur jati dalam usaha untuk menguasai bahasa Melayu.

Oleh itu, pengajaran yang melibatkan perbendaharaan kata perlu diberi penekanan oleh guru bahasa Melayu dalam usaha untuk memperkayakan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati. Guru-guru juga perlu memperbanyakkan peluang untuk murid-murid meneroka bahasa Melayu melalui aktiviti pembacaan. Hal ini demikian kerana, melalui pembacaan murid-murid boleh memperkayakan kosa kata sekali gus memperbaiki struktur ayat mereka dalam kemahiran menulis. Seterusnya, guru-guru perlu membiasakan murid menggunakan bahasa Melayu secara sepenuhnya sewaktu PdP bahasa Melayu berlangsung untuk memperkayakan lagi perbendaharaan kata mereka.

Kajian ini juga memberi kesedaran kepada guru agar sentiasa memperbanyakkan aktiviti PdP bahasa Melayu melibatkan penggunaan bahan bantu mengajar berbentuk maujud. Selain itu, aktiviti berbentuk didik hibur serta permainan bahasa juga perlu dilakukan agar dapat meningkatkan minat murid terhadap bahasa Melayu. Semua pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan perlu sesuai dengan tahap murid agar dapat membantu murid menguasai bahasa Melayu. Kesedaran guru terhadap perkara ini dapat menjadikan PdP bahasa Melayu lebih menyeronokkan.

Kesimpulannya, kajian-kajian berkaitan pemerksaan bahasa Melayu perlulah terus dilaksanakan agar dapat menjadi panduan kepada semua pihak daripada pelbagai lapisan dalam usaha untuk mengangkat dan memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang semakin lama semakin dipinggirkan. Dapatan kajian ini dapat membantu semua pihak terutamanya dalam kalangan pendidik supaya dapat membantu murid-murid, terutamanya murid bukan penutur jati mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

### RUJUKAN

- Berawati Renddan, Adi Yasran Abdul Aziz, Hasnah Mohamad & Sharil Nizam Sha'r. (2020). Domain dan bahasa pilihan tiga generasi etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(7): 96-107.
- Dayang Sufilkawany & Wan Muna Ruzanna. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 74-84.
- Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 74-84.
- Ghazali Lateh & Shamsudin Othman. (2014). Tinjauan interaksi lisan bahasa melayu dalam kalangan remaja Malaysia dari sudut etnografi komunikasi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1): 30-40.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Khairul Azam Bahari, Anida Sarudin & Zulkifli Osman. (2020). Strategi pengukuran upaya berbahasa menerusi kesantunan berbahasa sebagai indikator profesionalisme guru pelatih berasaskan skala morf fonetik, sosiolinguistik dan sosiopragmatik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17 (1): 213-254.
- Ilangko Subramaniam, Noorulafiza Abdul Muthalib & Siti Nor Hamahida Zainal. (2014). Penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi di sekolah pedalaman Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1): 65-74.
- Jerie anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 13-25.
- Mohd Helmi Pangat & Puteri Roslina. (2016). Strategi komunikasi lisan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7 (1): 123-141.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Audra Dayana Dahlan. (2018). Percampuran kod bahasa di dalam filem: Satu kajian kualitatif terhadap filem J Revolusi. *e-Academia Journal*, 7 (2): 107-121.
- Muhammad Shahrul Nizam Abd. Wahid & Muhammad Zaid Daud. (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota



- Samarahan, Sarawak. *Multi-Disciplinary Research Journal*, 3 (3): 11-21.
- Nancy Ngumbang & Zamri Mahamod. (2017). Sikap, minat dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8 (1): 47-58.
- Noor Hashimah & Adriana Santa. (2016). Percampuran kod dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar Cina: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 16 (1): 73-94.
- Nuradlin Syafini & Zaleha Embong. (2020). Pengaruh dialek dalam komunikasi terhadap tahap keyakinan diri pelajar sekolah menengah di Kota Bharu, Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication and Humanities*, 3 (1): 26-37.
- Nurhijrah Zakaria & Mohd Mahzan Awang. (2020). Penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah: Realiti dan cabaran di sekolah pelbagai etnik. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua*, hlm: 1152-1166. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paramasivam Muthusamy. (2017). Komunikasi percampuran kod dalam masyarakat multilingual di Malaysia. *Journal of Business and Social Development*, 5 (1): 36-48.
- Rohaidah Harun, Ab.Razak & Indirawati Zahid. (2018). Pertembungan bahasa di Selatan Thailand: Faktor dan implikasi. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9 (1): 117-129.
- Roksana Bibi. (2015). Penyerapan bahasa dalam pertembungan budaya: Kesalingan pinjam meminjam dalam kalangan tiga kelompok masyarakat di Singapura. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 6: 138-156.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (2): 196-209.
- Yin, R.K. (2014). Case study research. New York: SAGE Publications.
- Zamri Mahamod & Tengku Nor Adila Tengku Mohamed. (2019). Sumbangan ibu bapa, guru dan rakan sebaya dalam mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu murid sekolah rendah di Malaysia. *Global Journal of Thaqafah*, May (Special Issue): 133-145.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulkifley Hamid & Mohd. Asyraf Zulkifley. 2014. Membina kemahiran berfikir secara kritis dan holistik dalam kalangan pelajar menggunakan Modul Edward De Bono. *e-Bangi Journal*, 11 (2): 1-13.
- Zuraini Ramli. (2016). Modaliti kepelbagaian modaliti dalam pengajaran dan pembelajaran dwibahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 7 (1): 156-169.